



MAJLIS DAERAH BALING

Edisi Mac 2016

KONVOI MOTOSIKAL DAN PROMOSI PELANCONGAN

BALING, MAC. – MOTOSIKAL TEAM MAJLIS DAERAH BALING dengan kerjasama Kelab Kebajikan Dan Sukan (HALWANI Team) telah mengadakan Konvoi Bermotosikal Ke Kelantan Dan Teraengganu bermula 30hb. Mac 2016 dan berakhir pada 2hb. April 2016.

Konvoi ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada semua peserta berkenaan pemanduan berhemat di samping membuat promosi tempat-tempat menarik di Baling kepada masyarakat luar terutamanya di Kelantan dan Terengganu.



Selain daripada membuat promosi pelancongan, peserta juga singgah di rumah anak yatim seperti Rumah Puteri Harapan, Yayasan Kebajikan Anak-anak Yatim Kelantan (YAATIM) untuk menyampaikan sedikit sumbangan dalam program khidmat masyarakat Majlis Daerah Baling.

Menurut Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Baling, Encik Dzohir bin Md Zain, program seumpama ini akan diteruskan untuk tahun-tahun akan datang kerana ianya bukan sahaja dapat mempromosikan tempat pelancongan di Baling seperti Terowong Komunis, Gua Jepun tetapi dapat mengeratkan hubungan silaturahmi sesama peserta dan masyarakat luar.



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DI DAERAH BETONG, THAILAND

BALING, MAC. – MAJLIS DAERAH BALING dan Majlis Daerah Betong, Thailand mempunyai jalinan silaturahim yang erat antara dua Negara yang mana ianya dibuktikan dengan jemputan yang telah diterima oleh pihak Majlis bagi menyertai Program Sambutan Maulidur Rasul Daerah Betong, Thailand.

Tuan Yang Dipertua MDB, Encik Dzohir bin Md Zain diiringi seramai 10 deligasi telah berbesar hati memenuhi jemputan berkenaan yang diadakan pada 26hb. Mac 2016 lalu Stadium Betong, Thailand.

Program ini diadakan bertujuan mengingati junjungan besar Nabi Muhammad SAW di samping mengeratkan hubungan di antara dua negaran anjuran Pejabat Kerajaan Daerah Betong, Persatuan Imam Daerah Betong dan Persatuan Tadika Daerah Betong.

Pelbagai program berbentuk keagamaan seperti selawat ke atas junjungan besar Nabi SAW serta bacaan ayat suci Al Quran diadakan sepanjang sambutan berkenaan.



AUDIT SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB – PBT)



BALING, MAC. – Encik Muhammad Ziyad Izdihar bin Lim, Encik Abdul Hanan bin Abdul Rahim, Encik Adi Azlan bin Ahmad Othman dan Puan Rafidah binti Jali, pegawai dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah hadir ke MDB pada 1hb. Mac 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat MDB untuk membuat audit berkenaan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB – PBT) bagi tahun 2015/2016.



Untuk tahun 2013/2014, pihak MDB telah menerima penarafan bintang sebanyak 4 bintang dengan markah sebanyak 75.29% dan menjangkakan markah untuk tahun 2015/2016 menunjukkan peningkatan.



Pembentangan teguran dan cadangan penambahbaikan oleh pihak KPKT